
**CATATAN DIALOG DI ANTARA BAHAGIAN TEKNIKAL
DENGAN
MIT/MIA/MACPA/MAICSA
BIL. 2 / 2001**

Tarikh : 12 November 2001

Masa : 9.00 pagi - 1.00 tgh.

Tempat : Bilik Mesyuarat Utama,
Lembaga Hasil Dalam Negeri,
Tingkat 16, Blok 11,
Jalan Duta,
KUALA LUMPUR.

KEHADIRAN

WAKIL LHDN :

- | | | | |
|-----|------------------------------------|---|---|
| 1. | En. Lim Heng How | - | Timbalan Ketua Pengarah
(Teknikal & Perundangan) - Pengerusi |
| 2. | Pn. Nik Esah bt. Nik Mahmood | - | PKP Bahagian Teknikal |
| 3. | Pn. Mazidah bt. Ismail | - | PPK Cawangan Pungutan |
| 4. | Pn. Wan Noorsiah bt. Wan Abdullah- | - | PPK Cawangan Syarikat |
| 5. | Pn. Salmah bt. Kassim | - | Ketua Bahagian Undang-Undang |
| 6. | Pn. Norimah bt. Senawi | - | PKP Bahagian Operasi |
| 7. | En. Wong Poh Lam | - | PKP Bahagian Teknikal |
| 8. | Pn. Sharazad bt. Yahaya | - | PKP Bahagian Teknikal |
| 9. | Pn. M. Silverranie | - | PKP Bahagian Teknikal |
| 10. | En. Joseph Teoh Hang Meng | - | PKP Bahagian Teknikal |
| 11. | Pn. Nor'aini bt. Jaafar | - | PKP Bahagian Teknikal |
| 12. | Cik Maznah bt. Ujang | - | Bahagian Operasi |
| 13. | Pn. Nik Melini bt. Nik Sulaiman | - | Setiausaha |

WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN:

2. Isu-Isu Belanjawan Yang Telah Dibangkitkan

2.1 Pengeluaran Garis Panduan, Kaedah dan Perintah

Merujuk kepada permintaan wakil persatuan agar Perintah, Kaedah dan garis panduan berkaitan pelbagai insentif yang dicadangkan dalam Belanjawan 2002 dikeluarkan secepat mungkin, mesyuarat dimaklumkan bahawa Kaedah dan Perintah berkaitan beberapa galakan cukai yang sedia ada akan siap menjelang akhir tahun 2001.

Tindakan: Bahagian Teknikal

2.2 Cadangan Galakan Cukai bagi Latihan Amali bukan Kakitangan

Wakil dari Kementerian Kewangan mengesahkan bahawa bagi maksud memberi kelonggaran kepada galakan cukai ini, skop latihan amali kepada bukan kakitangan boleh meliputi latihan luaran (seperti seminar, kursus dan lain-lain) yang diadakan dalam Malaysia.

Makluman

2.3 Cadangan Kajian Semula Elaun Bangunan Industri bagi Bangunan yang dibeli

Merujuk kepada pertanyaan berkenaan perbelanjaan yang layak bagi elaun bangunan industri untuk hotel di mana syarikat berkaitan tidak pernah menuntut atau layak untuk menuntut elaun bangunan industri sebelum ini, Tuan Pengerusi mengesahkan bahawa elaun "notional" perlu dikira terlebih dahulu pada kadar lama mulai tarikh aset diperolehi dan kadar baru elaun bangunan industri terpakai mulai tahun taksiran 2002 ke atas baki perbelanjaan yang layak setelah ditolakkan amaun elaun "notional" tersebut.

Makluman

2.6 Cadangan Kajian Semula ke atas Kadar Potongan untuk Kos Perolehan Hak Empunya [Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Perolehan Hak Empunya) 1999 [P.U. (A) 127/99]]

Tuan Pengerusi mengesahkan bahawa cadangan kajian semula ke atas kadar potongan untuk kos perolehan hak empunya terpakai untuk syarikat perkilangan sahaja. Beliau juga mengesahkan bahawa bagi kes di mana syarikat telah diberikan potongan bagi kos perolehan hak empunya pada kadar sepuluh peratus (10%), maka elaun tahunan untuk baki perbelanjaan dikira pada kadar baru (20%) atas kos asal perolehan hak empunya.

Contoh:		Baki perbelanjaan
Kos asal perolehan hak empunya (T/T 2001)		100,000
Tolak: Potongan @ 10% dalam T/T 2001	- 10,000	90,000
Tolak: Potongan @ 20% dalam T/T 2002	- 20,000	70,000
Tolak: Potongan @ 20% dalam T/T 2003	- 20,000	50,000
Tolak: Potongan @ 20% dalam T/T 2004	- 20,000	30,000
Tolak: Potongan @ 20% dalam T/T 2005	- 20,000	10,000
Tolak: T/T 2006	- 10,000	Tiada

Makluman

2.7 Cadangan Kajian Semula Pengecualian Cukai ke atas Pendapatan Persatuan Perdagangan

Tuan Pengerusi mengesahkan bahawa persatuan perdagangan yang ditubuhkan pada atau selepas 1 Januari 2002 tidak layak diberikan layanan pengecualian cukai mengikut galakan sedia ada, [*Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 14) 1996, [P.U. (A) 82/96]*], iaitu pengecualian cukai sebanyak lima puluh peratus (50%) ke atas pendapatan statutorinya selama lima tahun taksiran, tetapi hanya layak mendapat pengecualian cukai yang baru dicadangkan iaitu pengecualian pendapatan statutori daripada yuran ahli.

perkakasan [*Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Loji Yang Layak) (Komputer dan Kelengkapan Teknologi Maklumat) 1998 [P.U. (A) 187/98]*] komputer diberikan ke atas jumlah kos pembangunan laman web dan bukannya memberikan elaun tahunan sebanyak 20% ke atas perbelanjaan pembangunan laman web yang perlu dikenal pasti (selain daripada perisian dan perkakasan komputer).

Makluman

2.10 **Cadangan Kajian Semula Galakan Cukai bagi Meningkatkan Eksport Perkhidmatan**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa galakan ini merupakan kajian semula kepada galakan sama yang diumumkan dalam Belanjawan tahun 1998. Tuan Pengerusi mengesahkan bahawa perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan pendidikan swasta yang disediakan di Malaysia dan dari Malaysia boleh dianggap sebagai mengeksport perkhidmatan dan layak mendapat galakan cukai ini, akan tetapi perkhidmatan lain seperti perakaunan dan perundangan perlu disediakan dari Malaysia.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa beberapa keadaan yang terangkum dalam maksud eksport perkhidmatan ini termasuklah keadaan di mana pelabur asing mendapat khidmat nasihat untuk melabur di Malaysia atau untuk mendapatkan perniagaan di Malaysia, akan tetapi perkhidmatan ini perlulah semata-mata untuk perkhidmatan yang dieksport kepada pelanggan asing di luar Malaysia. Tafsiran eksport pula tidak bermaksud bahawa seseorang perlu meninggalkan Malaysia untuk memberi perkhidmatan tetapi memadai jika pelanggan asing itu berada di luar Malaysia.

Tuan Pengerusi juga mengesahkan bahawa jika sekiranya sebahagian perkhidmatan yang dijalankan di luar Malaysia merangkumi "part and parcel" daripada kontrak bagi perkhidmatan kepada pelanggan asing

LHDN juga mengambil maklum akan wujudnya pelbagai kategori pengarah syarikat dan setiausaha syarikat serta tanggungjawab berbeza yang dipikul oleh setiap kategori itu dan menegaskan bahawa peranan seseorang pengarah itu perlu diperjelaskan. Tuan Pengerusi juga menyatakan bahawa segala aspek yang wajar akan diambil kira dalam menjalankan kuasa di bawah peruntukan ini dan pekeliling dalaman akan diedarkan bagi menjelaskan skop dan pemakaian seksyen baru ini. LHDN juga mengambil maklum permintaan wakil persatuan akauntan supaya tanggungjawab seseorang pengarah, pengurus, setiausaha syarikat dan sebagainya diperjelaskan melalui garis panduan.

Tindakan: Bahagian Teknikal
Bahagian Undang-Undang

2.12 Cadangan Penwartaan Elaun Cukai Pelaburan bagi Hospital Swasta

Mesyuarat dimaklumkan bahawa setelah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan berhubung galakan ini, yang dicadangkan dalam Belanjawan 1998, adalah diputuskan bahawa ianya akan diberikan melalui permohonan projek perkhidmatan yang diluluskan. Syarikat perlu mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan bagi mendapat kelulusan projek tersebut yang akan diberikan sama ada melalui Elaun Pelaburan bagi Sektor Perkhidmatan di bawah Jadual 7B, Akta Cukai Pendapatan 1967 atau pengecualian cukai di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta yang sama.

Makluman

3. Isu-Isu Teknikal lain yang telah dibangkitkan

3.1 Pekeliling dan Arahan Dalaman LHDN

untuk menentusahkan sama ada syarikat berkenaan menjalankan kawalan pengurusan dan penyeliaan secara bebas.

Makluman

3.3 Cukai Pegangan atas Tuntutan Bayaran Balik ("Reimbursements")

Wakil persatuan akauntan telah mengimbas kembali keputusan yang dibuat dalam dialog terdahulu berhubung tuntutan bayaran balik bagi perbelanjaan "*out-of-pocket*" (misalnya tuntutan perjalanan, makan dan penginapan) kepada bukan pemastautin yang mana ianya tertakluk kepada cukai pegangan berasaskan bahawa perbelanjaan tersebut dianggap sebagai sebahagian fi yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan. Wakil persatuan akauntan inginkan kepastian sama ada cukai pegangan terpakai dalam keadaan yang sama seperti di atas tetapi pembayar cukai Malaysia yang menanggung atau membayar perbelanjaan "*out-of-pocket*" tersebut dan mengutarakan pelbagai keadaan di mana pembayaran balik ("*reimbursements*") boleh berlaku. Tuan Pengerusi menegaskan bahawa LHDN khuatir kemungkinan berlaku penyelewengan dan penyalahgunaan oleh pembayar cukai sekiranya keadaan-keadaan yang tertakluk kepada cukai pegangan tidak konsisten akan tetapi telah mengambil maklum pandangan-pandangan wakil persatuan.

Makluman

3.4 Penukaran Tarikh Perakaunan

Merujuk kepada masalah praktikal yang timbul bagi keadaan-keadaan tertentu di mana terdapat penukaran tarikh perakaunan syarikat dari 31 Disember ke tarikh selainnya (*sila rujuk contoh*), wakil persatuan akauntan telah membuat cadangan supaya seksyen 21A dan Ketetapan Umum Bil. 7 / 2001 dipinda atau secara alternatifnya, LHDN membenarkan syarikat untuk memfailkan Borang Penyata bagi tahun

kembali Borang Penyata bagi tahun taksiran 2001 dan 2002 ialah pada 30 September 2002 (enam bulan dari 31 Mac 2002). Walaubagaimanapun, memandangkan perkara ini melibatkan isu operasi, Tuan Pengerusi meminta supaya isu ini dibincangkan secara lebih lanjut dalam Dialog dengan Bahagian Operasi.

Makluman

3.5 Pindaan Anggaran Cukai kena dibayar di mana Tempoh Asas Melebihi Dua Belas Bulan

Wakil persatuan akauntan telah meminta supaya dalam keadaan di mana tempoh asas syarikat melebihi dua belas bulan disebabkan pindaan kepada tempoh perakaunan syarikat tersebut, kelonggaran diberikan kepada syarikat untuk meminda anggaran cukai kena dibayar bagi sesuatu tahun taksiran di bawah peruntukan seksyen 107C(7) pada tarikh terkemudian daripada bulan keenam tempoh asas itu atau untuk membenarkan lebih dari satu pindaan anggaran cukai bagi membolehkan anggaran yang lebih realistik diberikan. Tuan Pengerusi meminta supaya wakil persatuan akauntan mengemukakan isu tersebut kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan oleh kerana ianya melibatkan isu polisi.

Tindakan: Persatuan Akauntan

3.6 Anggaran Cukai kena dibayar bagi Suatu Tahun Taksiran (Subseksyen 107C(3) ACP 1967)

Wakil persatuan akauntan telah membangkitkan berhubung keadaan di mana anggaran cukai syarikat jauh lebih rendah daripada anggaran cukai kena dibayar bagi tahun taksiran sebelumnya ataupun anggaran cukai pindaan dan dengan demikian syarikat tidak dapat memenuhi peruntukan di bawah subseksyen 107C(3). Wakil persatuan akauntan telah meminta supaya dalam kes sedemikian, LHDN menerima pakai

Contoh:

Penalti akan dikenakan bagi kes di mana terdapat pengakuan secara sukarela bahawa perbelanjaan susutan dibenarkan tetapi tiada penalti dikenakan bagi kes di mana pengakuan secara sukarela dibuat berhubung layanan cukai mengikut isu yang masih dalam rayuan di Mahkamah.

3.7.3 tiada penalti patut dikenakan bagi kes yang melibatkan hanya pelarasan teknikal dan bukan kurang lapor atau ketinggalan pendapatan;

3.7.4 penalti patut dikenakan bagi kes pelarasan dalam bentuk menyembunyikan perbelanjaan yang tidak boleh dibenarkan di bawah tuntutan yang boleh dibenarkan;

3.7.5 kadar pengenaan penalti seperti di muka surat 13 Panduan Audit Cukai LHDN terpakai dari tarikh penyerahan kembali Borang Penyata Cukai Pendapatan.

Tuan Pengerusi telah meminta supaya kes-kes yang bercadang untuk mengikuti layanan cukai yang berbeza dari LHDN dan ianya melibatkan perbezaan amaun cukai yang agak ketara, maka ianya perlu dirujuk terlebih dahulu ke LHDN untuk ulasan.

Makluman

4. Hal-Hal Lain

4.1 Penetapan Tarikh Dialog

Tuan pengerusi telah bersetuju supaya dialog dengan persatuan akauntan diadakan sebanyak tiga kali setahun iaitu pada suku tahun pertama (bulan Mac), pertengahan tahun (Julai) dan sejurus selepas

4.4 **Prosedur untuk Audit Cukai**

Mengenai dakwaan oleh wakil persatuan akauntan bahawa tindakan oleh sesetengah cawangan LHDN untuk meminta persetujuan penyelesaian kes audit luar ditandatangani oleh pembayar cukai adalah tidak diperlukan di bawah sistem taksir sendiri dan bahawa terdapat ketidakseragaman pemakaian prosedur dan polisi di antara cawangan-cawangan, LHDN telah mengambil maklum akan perkara tersebut.

Tindakan: Bahagian Audit Cukai

4.4 **Borang Penyata dalam Dwibahasa**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Borang Penyata Cukai Pendapatan beserta nota penerangan dan lampiran-lampirannya telah dipaparkan di laman web Hasil Dalam Negeri dalam versi Bahasa Inggeris untuk kemudahan pembayar cukai.

Makluman

5. **Penutup**

Tuan Pengerusi mengakhiri dialog dengan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir. Beliau menyatakan bahawa dialog ini sangat berhasil dan maklumbalas seperti yang telah diberikan dalam dialog ini diperlukan bagi tujuan memudahkan kedua-dua pihak yang terlibat memastikan bahawa perundangan cukai dipatuhi sewajarnya. Pihak Persatuan juga merakamkan ucapan terima kasih di atas kesudian Lembaga mengadakan majlis dialog ini. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengahari.